

**ISU PENDAFTARAN TANAH WAKAF DALAM KANUN TANAH NEGARA (KTN) 1965: SATU KAJIAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

**REGISTRATION ISSUE OF WAKAF IN NATIONAL LAND CODE (NLC) 1965: A STUDY FROM ISLAMIC PERSPECTIVE**

Sayuti Ab Ghani<sup>i</sup> & Burhanuddin Jalal<sup>ii</sup>

<sup>i</sup>Pengarah, Pusat Pengurusan Wakaf UPNM, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 43650 Kuala Lumpur, sayuti\_70@yahoo.com

<sup>ii</sup>Pensyarah Kanan, Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), 43650 Kuala Lumpur, burhanuddin@upnm.edu.my

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Kanun Tanah Negara (KTN)1965 merupakan undang-undang tanah utama negara yang digunapakai di atas semua jenis tanah termasuk tanah wakaf. Perkara ini memberi gambaran bahawa tanah wakaf Islam tidak boleh diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing walaupun tanah adalah hakmilik di bawah kerajaan Negeri tanpa merujuk kepada KTN. Justeru itu, pembangunan dan pentadbiran tanah wakaf di Malaysia tidak dapat dipisahkan dengan keterikatan dengan peruntukan-peruntukan tertentu dalam KTN. Kertas kerja ini akan memberi fokus kepada aspek pendaftaran dan sejauh manakah peruntukan-peruntukan KTN yang secara langsung atau tidak langsung yang melibatkan tanah wakaf. Oleh itu, kajian ini akan memperlihatkan perlunya penambahbaikan terhadap peruntukan-peruntukan dalam KTN yang terpakai ke atas pendaftaran tanah wakaf.</i></p> <p><b>Kata Kunci:</b> Pendaftaran, Kanun Tanah Negara, Tanah Wakaf, Peruntukan.</p>	<p><i>The National Land Code 1965 is the country's main land law applicable to all types of land, including land waqf. This article illustrates that Islamic wakaf land can not be managed by the respective State Islamic Religious Council although the land is a property under the State government without reference to the NCL. Hence, the development and administration of waqf land in Malaysia is inseparable with certain provisions in National Land Code. This paper will focus on the aspects of registration and how far the provisions of the National Land Code are directly or indirectly involving waqf land. Therefore, this study will show the need to add to the provisions in the National Land Code applicable to the wakaf land registration.</i></p> <p><b>Keywords:</b> Registration, National Land Code, endowment land, allocation.</p>

## PENDAHULUAN

Wakaf merupakan antara isu yang hangat diperbincangkan sejak akhir-akhir ini. Perbincangan ini melibatkan banyak pihak sama ada pihak akademik, pelaksana wakaf dan seterusnya pihak kerajaan itu sendiri khususnya institusi pengajian tinggi. Perkara ini memberi gambaran bahawa institusi wakaf yang dahulunya agak suram diperkatakan akhirnya mendapat nafas baru dalam memberi sumbangan yang cukup berguna kepada umat Islam di negara ini dan seterusnya secara tidak langsung ia dapat memertabkan Islam itu sendiri. Penulisan ini adalah memberi fokus bagaimana pengurusan dan pentadbiran harta wakaf di negara ini tidak dapat dipisahkan dengan Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Sebagaimana sedia maklum bahawa KTN merupakan perundangan utama bagi semua pengurusan dan pentadbiran tanah di negara ini termasuk tanah wakaf. Walau bagaimanapun kajian ini tertumpu pada aspek pendaftaran tanah wakaf yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan tertentu dalam KTN.

### **Kedudukan Wakaf dan Kanun Tanah Negara**

Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 74 dan Senarai 2 (Senarai Negeri) dalam Jadual Kesembilan telah memperuntukkan bahawa Parlimen dan Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang yang berkaitan dengan apa yang telah diperuntukkan (Siti Mashitoh, 2016) termasuk juga urusan tanah yang berada di bawah bidang kuasa perundangan dan pentadbiran kerajaan negeri.

*1. Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut ugama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat ugama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian ugama Islam dan Khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil ugama yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut ugama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan;*

*keanggotaan, penyusunan dan cara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut ugama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut ugama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.*<sup>1</sup>

Namun begitu perkara 76(4) secara khusus memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan melalui Parlimen untuk membuat undang-undang yang berkaitan dengan tanah bagi tujuan penyelarasan dan persamaan undang-undang. Dengan kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan maka kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan beberapa undang-undang berkaitan tanah seperti KTN 1965 (Akta 56). Perkara ini jelas sebagaimana yang dinyatakan di bawah;

*"Parlimen boleh, bagi maksud hanya menentukan persamaan undang-undang dan dasar membuat undang-undang mengenai pemegang tanah, perhubungan antara tuan tanah dan penyewa, pendaftaran hak milik dan surat ikatan berhubung dengan tanah, pindah milik tanah, gadai janji, pajakan dan gadaian mengenai tanah, ismen dan lain-lain hak dan kepentingan mengenai tanah, mengambil tanah dengan paksa, mengenai kadar dan penilaian tanah dan Kerajaan Tempatan; dan fasal (1)(b) dan (3) tidak boleh dipakai bagi apa-apa undang-undang mengenai mana-mana perkara itu".*<sup>2</sup>

Melalui peruntukan ini, atas dasar persamaan undang-undang dan dasar di dalam bidang tanah dan kerajaan tempatan menyebabkan terbentuknya KTN 1965, Akta Pengambilan Tanah 1960, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Hak Milik Strata 1985. Walau bagaimanapun terdapat undang-undang negeri yang berkaitan dengan tanah terus kekal di bawah bidang kuasa negeri terutamanya enakmen-enakmen yang berkaitan dengan tanah rizab Melayu.

KTN adalah bukti bahawa Negara Malaysia telah mempunyai sistem peraturan-peraturan tanah yang tersendiri. Kewujudan KTN juga membuktikan berjayanya penjajah dalam penjajahannya bagi menguasai negeri Tanah Melayu. Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, kedudukan undang-undang dan pentadbirannya berbeza-beza di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain, khususnya mengenai undang-undang pemegangan tanah. Umpamanya di Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah wujud satu

<sup>1</sup> Perkara 74, Senarai 2, Perlembagaan Persekutuan.

<sup>2</sup> *Ibid*, Perkara 76(4).

bentuk undang-undang tanah yang sama iaitu "Land Code 1926"(MLJ) Manakala negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu mempunyai Undang-undang tanahnya (Land Legislation) sendiri(David,1975). Pada tahun 1948 sistem undang-undang tanah yang baru, Land Code 1926, yang diamalkan di Negeri-negeri Bersekutu diperkenalkan pula ke Negeri-negeri Melayu Tidak bersekutu. Dengan itu wujudlah satu bentuk undang-undang tanah yang sama di seluruh Negeri-negeri Melayu(Ridzuan, 1994).

KTN, 1965 telah dibentuk oleh Akta Parlimen No. 56 tahun 1965 yang mula dikuatkuasakan pada 1hb. Januari, 1966. Pembentukan KTN ini adalah bertujuan untuk memastikan keseragaman sistem pemegangan tanah dan urusan niaga tanah yang berbeza-beza di negeri-negeri Semenanjung Malaysia serta untuk menggabungkan semua peruntukan undang-undang yang baru bagi menyesuaikan sistem tersebut dengan perubahan sistem sosial dan ekonomi(Judith, 1981). Pada hari ini terdapat tiga undang-undang tanah yang berbeza di negeri-negeri di Malaysia berdasarkan sejarah. Pertama KTN 1965 yang berkuat kuasa di seluruh Semenanjung Malaysia, Kanun Tanah Sarawak (Cap 81) untuk Sarawak dan Ordinan Tanah Sabah (Cap 68) untuk Sabah.

### **Pendaftaran Tanah Wakaf Dalam Kanun Tanah Negara dan Kesannya**

Sistem ini adalah berdasarkan pada Akta Hartanah (*Real Property Act*) 1857, berasal dari Australia Selatan dan sistem ini mempunyai persamaan dengan Sistem Torrens di negara New Zealand dan Fiji(Judith,1981). Sistem Torrens ini peringkat awal diperkenalkan di negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB) dan ia mempunyai dua prinsip penting iaitu prinsip *cermin* dan prinsip *tabir*. Prinsip *cermin* ialah daftar yang mencerminkan segala fakta material berkenaan hak milik seseorang ke atas tanahnya seperti nama pemilik, butir-butir mengenai tanah yang telah diberi milik, luas kawasan dan lokasinya, pelan ukur dan had sempadannya, manakala prinsip *tabir* ialah daftar yang mempunyai sifat sebagai satu '*tabir*' iaitu dalam transaksi antara pemilik berdaftar dengan bakal pembeli, bakal pembeli hanya dikehendaki memberi perhatian kepada daftar, dan tidak lebih daripada itu. Memadailah bagi pembeli hanya bergantung pada maklumat yang ada dalam daftar dan dia tidak perlu, malahan tidak boleh melihat jauh disebalik itu(Riduan, 2005). Kesan daripada dua prinsip kembar sistem Torrens ini ialah wujudnya hak milik yang tidak boleh disangkal atau disoal bagi pemilik berdaftar (Salleh, 1993). Prinsip Torrens ini mengandungi prinsip utama yang menyatakan bahawa "*Daftar adalah segala-galanya*" yang mana perkara ini telah dinyatakan dengan jelas dalam KTN yang memperuntukkan:

*"Tiap-tiap daftar dokumen hakmilik yang didaftarkan dengan sempurna mengikut kehendak bab ini hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta ini, menjadi keterangan muktamad;*

(a) bahwa hakmilik tanah yang terletak hak kepada orang atau badan yang pada masa itu dinamakan sebagai tuannya;<sup>3</sup>

Selain daripada itu, KTN melalui seksyen 340(1) mengiktiraf dua prinsip di atas (cermin dan tabir) mewujudkan 'hak milik tak boleh sangkal' (*indefeasibility of title*) ini, sebagaimana peruntukan itu menyatakan:

(1) Hakmilik atau kepentingan mana-mana orang atau badan buat masa itu didaftarkan sebagaipunya mana-mana tanah, atau atas nama siapa apa-apa pajakan, gadaian atau semen adalah buat masa itu terdaftar, hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut seksyen ini, tidak boleh disangkal.<sup>4</sup>

Amalan dalam KTN yang menekankan "Daftar adalah segala-galanya" telah menjadi unsur utama dalam pelaksanaan undang-undang harta tanah di Malaysia. Dalam kes *T.Damodaran lwn Choe Kuan Him*<sup>5</sup>, Lord Diplock telah memberi pandangan bahawa;

"Di Malaysia KTN mengamalkan sistem Torrens bagi pendaftaran hak milik tanah. Tujuan sistem ini, pada keseluruhannya adalah untuk mengelakkan kesulitan sistem peraturan yang terdapat di England berhubung dengan urus niaga tanah, terutama sekali mengenai perkara-perkara seperti notis bebanan dan amanah"(Salleh,1993)

Walau bagaimanapun, penekanan pendaftaran hak milik dalam sistem Torrens tersebut boleh disangkal hanya atas alasan tertentu seperti yang diperuntukkan dalam seksyen lain yang memperuntukannya:

(2) Hakmilik atau kepentingan mana-mana orang atau badan sedemikian hendaklah tidak menjadi takboleh disangkal-

(a) dalam mana-mana ke penipuan atau salahnyata yang kepadanya orang atau badan itu, atau mana-mana ejen orang atau badan itu, adalah suatu pihak atau privy; atau

(b) jika sekiranya pendaftaran diperolehi secara pemalsuan, atau dengan cara suatu instrument yang tidak mencukupi atau tak sah; atau

(c) jika sekiranya hakmilik atau kepentingan itu adalah diperolehi secara tidak sah oleh orang atau badan dalam penggunaan berupa apa-apa kuasa atau autoriti yang diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis.<sup>6</sup>

Peruntukan ini memperlihatkan hak milik tak boleh disangkal boleh disangkal sekiranya terdapat bukti yang menjejaskan seperti penipuan, salah

<sup>3</sup> Seksyen 89, KTN.

<sup>4</sup> Seksyen 340 (1)KTN.

<sup>5</sup> [1979] 2MLJ 53,55

<sup>6</sup> Seksyen 340 (2), KTN.

nyataan, pemalsuan, suratcara yang tidak lengkap atau batal atau perolehan hakmilik atau kepentingan yang menyalahi undang-undang. Kedudukan kenyataan hakmilik yang boleh disangkal ini dibuktikan dalam kes *The Bee Lwn. K. Marathamuthu*<sup>7</sup>. Mahkamah memutuskan bahawa 'pendaftaran adalah segala-galanya' bermaksud, maklumat yang tercatat dalam dokumen pendaftaran menunjukkan segala-galanya berkaitan dengan tanah tersebut. Maklumat-maklumat yang lain adalah lemah dan tidak boleh menyangkal kekuatan bukti yang terdapat dalam daftaran hak milik.

Kemasukan sistem pendaftaran hak milik telah mengubah cara memiliki tanah adat Melayu dan undang-undang Islam. Mengikut adat Melayu dan undang-undang Islam, hak milik tanah terpulang kepada sesiapa yang mengerjakan tanah itu. Perlaksanaan sistem ini telah mengakibatkan berlakunya pelanggaran syarat nyata dan sekatan kepentingan terhadap tanah itu, seperti membuat bangunan (rumah) atas sebidang tanah yang dikategorikan sebagai tanah pertanian atau sebaliknya. Pelaksanaan undang-undang dan sistem ini berlainan dan tidak sama dengan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalamnya. Agar sukar bagi pemungut hasil tanah untuk mengesan orang yang bertanggungjawab bagi membayar cukai sewa tanah, sekiranya pindah milik terhadap sesuatu bidang tanah itu tidak didaftarkan.

Hasil daripada pendaftaran tanah wakaf yang telah diperuntukkan dalam KTN menyebabkan tiada sesiapa yang boleh mengganggu gugat setelah hak milik dikeluarkan sebagai yang telah diperuntukkan. Dokumen hak milik yang dikeluarkan oleh pejabat tanah merupakan bukti pemilikan ke atas tanah. Dokumen ini merupakan hak yang tidak boleh disangkal oleh sesiapa pun. Perkara ini bertepatan dengan Kanun Tanah Negara(KTN) seksyen 30 yang meletakkan pendaftaran adalah segala-galanya. Seksyen ini telah menjelaskan bahawa setiap tanah yang tidak didaftarkan, maka tanah itu adalah hak milik Pihak Berkuasa Negeri.

Pendaftaran yang di syarat oleh KTN merupakan syarat umum yang perlu dipatuhi yang melibatkan semua jenis tanah termasuklah tanah wakaf yang perlu didaftarkan. Beberapa isu yang ingin dibangkitkan di sini daripada pendaftaran tanah wakaf menerusi dokumen yang dikeluarkan. Apa yang ingin ditekankan di sini ialah implikasi dokumen yang dikeluarkan terhadap harta wakaf. Ini kerana tanah wakaf merupakan salah satu harta yang istimewa menurut pandangan Islam. Oleh sebab itu isu dokumen hak milik tanah wakaf yang dikeluarkan perlu diberi pertimbangan sewajarnya agar kehartaan orang Islam dijaga kesuciannya. Oleh sebab itu beberapa perkara akan dibangkitkan mengenai isu dokumen hak milik yang telah dikeluarkan.

---

<sup>7</sup> [1977] 2 MLJ 7.

Antara isu pendaftaran tanah yang dibangkitkan oleh penulis ialah isu ketiadaan perkataan wakaf dicatatkan dalam dokumen hakmilik juga membawa kepada kemungkinan tanah wakaf tidak dibangunkan mengikut apa yang telah di wakafkan sama ada “wakaf am” atau “wakaf khas”. Sedangkan kedua-duanya adalah berbeza dari aspek penggunaannya. Penulis mengandaikan komplikasi hukum akan berlaku dalam isu yang cuba dibangkitkan ini. Antaranya ialah, akan berlaku suatu hari nanti tanah wakaf itu digunakan untuk tujuan yang bertentangan daripada maksud asal pewakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas. Berdasarkan temubual pakar yang telah dilakukan, belum lagi terdapat kes di atas tanah wakaf yang telah didaftarkan di bawah MAIN(Majlis Agama Islam Negeri) dibangunkan di luar daripada tujuan wakaf atau mengubah maksud wakaf, ini kerana ke semua harta yang diwakaf termasuk wakaf dicatat dan direkodkan oleh MAIN masing-masing.

Walaupun pengrekodan telah dilakukan oleh MAIN di atas tanah wakaf, namun risiko-risiko lain akan berlaku seperti kehilangan rekod dan maklumat, perubahan kepimpinan serta sejauhmanakah borang “Ikrar Wakaf” dan “Lafaz Wakaf” boleh dijadikan bukti apabila berlakunya penyelewengan atau pembangunan yang dilakukan diluar daripada tujuan wakaf itu sendiri. Oleh itu, berdasarkan kekuatan pendaftaran dalam KTN serta catatan-catatan yang terkandung dalam dokumen hakmilik yang dikeluarkan, maka penulis menegaskan bahawa perlu dinyatakan dalam dokumen hakmilik yang dikeluarkan dengan dinyatakan tujuan wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas. Oleh itu, disarankan supaya peruntukan khas bagi setiap keperluan aktiviti wakaf diwujudkan dalam satu undang-undang khusus tentang wakaf. Contohnya, peruntukan pendaftaran wakaf boleh dinyatakan secara jelas dalam enakmen wakaf tanpa perlu merujuk Kanun Tanah Negara 1965. (Nor Asiah et al, 2012).

Apa yang diutarakan di atas adalah bertepatan dengan perundangan wakaf Islam, iaitu setiap wakaf tidak boleh terkeluar daripada tujuan asal wakaf iaitu sama ada am atau wakaf khas. Islam memberi penekanan dan tertakluk pada syarat-syarat yang tertentu. Sekiranya harta itu diwakafkan dalam bentuk penggunaan khusus (wakaf khas), maka ia tidak boleh digunakan dalam bentuk atau tujuan-tujuan yang lain, selain apa yang telah ditentukan oleh si pewakaf (*waqif*), dalam perkara ini, al-Zuhayli (1985) telah meletakkan tanggungjawab di bawah tugas dan pentadbir wakaf itu sendiri. Antara perkara yang perlu dilaksanakan oleh pentadbir wakaf atau nazir wakaf ialah;

- i. Melaksanakan segala syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pewakaf kerana ianya berkuatkuasa sepertimana hukum syarak.
- ii. Menjaga dan menguruskan harta wakaf dengan baik mengikut jenis-jenisnya dengan mengenal pasti pengurusan bagi setiap harta wakaf

- sama ada pengurusan harta wakaf tersebut secara umum (wakaf am) atupun secara khusus (wakaf khas).
- iii. Memungut hasil-hasil yang diperolehi daripada harta wakaf dan mengagihkannya kepada pihak yang berhak.
  - iv. Mengawasi harta wakaf supaya ianya tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
  - v. Berusaha untuk membangunkan dan mengembangkan harta yang diwakafkan mengikut jenis wakaf agar ianya sentiasa berkekalan dan memberikan manfaat serta tidak bercanggah dengan hukum syariat.

Oleh itu, tanggungjawab yang dinyatakan di atas adalah tanggungjawab yang seharusnya dipikul oleh MAIN itu sendiri sebagai pemegang amanah tunggal terhadap harta wakaf. Selain daripada itu, MAIN juga hendaklah memastikan tanah wakaf dibangunkan mengikut apa yang telah diwakafkan oleh pewakaf serta sentiasa pembangunannya mengikut dasar-dasar yang telah digariskan oleh Islam. Oleh itu penulis mencadangkan bahawa seksyen 43 KTN mesti memasukkan perkataan wakaf sebagai perkara atau pihak yang boleh memegang tanah. Antara orang atau badan yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri(PBN) meliputi:

- (a) Orang-orang benar selain daripada remaja;
  - (aa) wakaf, meliputi wakaf am atau wakaf khas
- (b) Perbadanan-perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah perlembagaan mereka untuk memegang tanah;

Dengan kemasukan subseksyen (aa) wakaf, meliputi wakaf am atau wakaf khas dalam seksyen 43 KTN sudah tentu dokumen hakmilik yang dikeluarkan oleh PBN akan tercatat perkataan wakaf dan tujuan diwakafkan sama ada wakaf itu untuk tujuan khas atau am akan dinyatakan. Begitu juga pernyataan MAIN sebagai penerima pindaan milik (*trasferor*) tanah wakaf tidak bertepatan dengan ketepatan undang-undang wakaf Islam kerana penerima pindaan boleh dianggap sebagai pemilik tanah yang berhak mendapat faedah keseluruhan tanah dan berhak melakukan sebarang transaksi mengikut kemahuannya. MAIN dalam konteks ini pula hanyalah pihak *mutawalli*/pentadbir sahaja, bukannya penerima atau benefisiarinya. Sebagai pentadbir, MAIN hanya dibenarkan mendapat upah daripada kerja pengurusan wakaf yang dijalankan. Hanya benefisiarinya ataupun *mawquf 'alayh* akan memperolehi manfaat *mawquf* yang sebenarnya (Siti Mashitoh, 2006).

Oleh itu MAIN sebagai penerima pindaan milik perlu diubah di dalam pendaftaran hakmilik yang dikeluarkan. Kedudukan ini memberi gambaran bahawa MAIN sebagai pemilik tanah bukannya sebagai pemegang amanah sebagaimana yang dinyatakan dalam statut negeri. Contohnya dalam dalam



Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 telah menyatakan kedudukan Majlis sebagai pemegang amanah ini, iaitu;

*“Walau apa pun apa-apa jua peruntukan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau peristiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh sesuatu wakaf, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau khas, yang terletak di dalam Negeri Selangor”<sup>8</sup>*

Apa yang telah diperuntukkan dalam Enakmen Wakaf ini dan juga kedudukannya dalam Enakmen Pentadbiran Hal-Ehwal Agama Islam Negeri tentang MAIN sebagai pemegang amanah tunggal adalah bersalahan dengan kedudukan MAIN dalam pendaftaran hakmilik melalui pindahmilik. Keterbatasan dan tanggungjawab pentadbir atau *mutawalli* harta wakaf ini amat berbeza dengan pemilik tanah wakaf. Kedudukan sebagai pentadbir atau *mutawalli* adalah sebagai orang atau badan yang diberi kuasa oleh pewakaf untuk melaksanakan tugasnya sebagaimana yang telah ditentukan oleh pewakaf. Oleh itu segala penentuan yang telah ditentukan oleh pewakaf merupakan panduan dan batasan yang seharusnya dilakukan oleh pentadbir harta wakaf. Kedudukan ini menggambarkan keterbatasan hak dan tanggungjawab sebagai pentadbir berbanding pemilik harta wakaf.

Sesorang pentadbir adalah merupakan pengantaraan atau wakil pewakaf semasa ia hidupnya dan menjadi pemegang amanah selepas kematian pewakaf (Al-Sharbini, 1377H). Antara tugas pentadbir wakaf ialah menguruskan harta wakaf, menguruskan sewaan, melaburkan modal bagi kepentingan harta dan penerimanya, memungut hasil wakaf, mengagihkan hasil-hasil wakaf kepada penerima dan mengikuti segala syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pewakaf (Ibn Abidin, 1966). Dengan ini pentadbir wakaf adalah berkuasa dalam menguruskan segala perkara yang berkaitan dengannya termasuklah memungut hasil, mengagihkan hasil wakaf dan mengikut syarat yang telah ditentukan. Oleh itu kebijaksanaan pentadbir amat diperlukan khususnya dalam memikirkan serta melakukan segala apa tindakan untuk memajukan harta wakaf agar ianya mencapai matlamat yang dikehendaki oleh Islam.

Kesemuanya apa yang dinyatakan di atas adalah menggambarkan serta membezakan antara tanggungjawab pemilik harta dengan pemegang amanah tunggal terhadap harta wakaf. Oleh itu, MAIN sebagai pemegang amanah dan bukannya pemilik tanah wakaf seharusnya berwaspada di atas segala tindakannya dalam menguruskan tanah wakaf supaya tidak sampai

---

<sup>8</sup> Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999, Seksyen 32. Lihat juga Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001, Seksyen 63, Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Seksyen 77, Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006, seksyen 89, Lihat Akta 505, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Seksyen 61.

kepada melanggar batas-batas sebagai pemegang amanah atau membawa kepada kesalahan-kesalahan yang bertentangan dengan kehendak Islam.

## PENUTUP

Pada keseluruhannya daripada perbincangan di atas membuktikan tanah wakaf tidak terlepas daripada peruntukan-peruntukan dalam KTN itu sendiri. Peruntukan KTN yang menyentuh aspek pendaftaran tanah seharusnya dilihat sebagai perkara utama dalam membangun harta wakaf di negara ini. Tanpa pendaftaran tanah wakaf belum lagi menjadi pemilik Majlis Agama Islam Negeri yang menjadi pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf. Perkara ini bertepatan dengan Kanun Tanah Negara (KTN) seksyen 30 yang meletakkan pendaftaran adalah segala-galanya. Oleh itu pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan harta orang Islam ini memberi manfaat sepenuhnya kepada orang Islam hendaklah memastikan usaha pendaftaran tanah wakaf ini dapat dilakukan.

## RUJUKAN

- Al-Syarbīnī, Muhammad al-Khātīb (1377H), *Mughnī Al-Muhtāj*, j.2. Mesir: Mustafā al-Babī al-Halabī
- Al-Anī, Muhammad Shāfiq(1385H/1965), *Ahkām al-Awqāf*, j.3. Baghdad: Matba'ah al-Irshād.
- Abu Zahrah, Muhammad (1391H/1971), *Muhadarah Fi al-Waqf*, c.2, Beirut: Dār al-Fikr al-Arabi.
- Badrān Abū al-ʿAynayn Badrān (1968), *Tarikh al-Fiqh al-Islami wa Nazariyah al-Milkiyah wa al-Uqud*, Beirut: Dār al-Nahdah al-Arabiyyah.
- David S.Y.Wong (1975), *Tenure and Land Dealing in the Malay States*. Singapore: Singapore University Press, h. 1.
- Dato. Haji Yidris Abdullah (2003) (Seminar Pentadbiran dan Perundangan Tanah Untuk Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia, 15 & 16 Disember 2003).
- Ibn Qudāmah, Abī Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad (t.t), *al-Mughnī*, j.5. Mesir: Matbacah al-Imam.
- Ibn Abidīn, Muhammad Ibn Amin (1386H/1966), *Hasyiah Radd al-Muhtar*, j.4. Mesir: Mustafā al-Babā al-Halabī.
- Judith E. Sihombing (1981), *National Land Code: A Commentary*, Singapore/Kuala Lumpur: Malayan Law Journal. h. 22.
- Malayan Law Journal. Diterbitkan oleh MLJ (Pte) Ltd, h. 30
- Mahmud Saedon A. Othman (1998), *Institusi Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Asiah, Sharifah Zubaidah dan Zuraidah (2012), *Waqf lands and challenges from the legal perspectives in Malaysia*. Paper presented at IIUM-Toyo Joint Symposium 2012. Sustainable Built Environment:

Lesson learned from Malaysia and Japan. Retrieved from <http://irep.iiium.edu.my/28025/1/6a.pdf> at 25 Februari 2017.

Perlembagaan Persekutuan Perkara 74, Senarai 2.

Ridzuan Awang (1994), Undang-undang Tanah Islam Pendekatan Perbandingan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 35.

Salleh Buang (1996), Sejarah Undang-Undang Malaysia, Kes dan Material. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 33.

Siti Mashitoh Mahamood (2006), "Masalah Undang-Undang Dalam Pentadbiran Harta Amanah Wakaf di Malaysia", dalam Siti Mashitoh Mahamood. Harta Amanah Orang Islam di Malaysia Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 107.

Verson Barlett (1955), Robert From Malaya, Cetakan 1, New York: Creterion Book, h. 15.

[ 1870] Leic 466.

Wahbah al-Zuhaylī (1405H/1985), *al-Fiqh al-Islamī Wa Adillatuh*, j.8. Damsyik: Dār al-Fikr.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*